

Awang hitam cabul wanita



■ Apartment Desa Satu menjadi tumpuan geng awang hitam tinggal menyewa. (Gambar kecil) Mohd Zamri Musa

Sinar Harian 20/06/2010 M/S 54

DAMANSARA— Sikap setengah warga asing yang tinggal menyewa di Apartmen Desa Satu di Desa Aman Puri semakin melampau apabila bertindak di luar batasan.

Mana tidaknya mereka dilihat semakin berani mengambil kesempatan meraba wanita di dalam lif dan di dalam bas.

Kisah awang hitam yang layak digelar 'orang minyak' ini akan mengekori wanita yang keseorangan sebelum menuturkan kata lucah dan jika sekira mangsa tidak melayan suspek akan meraba punggung ataupun payu dara mangsa.

Berdasarkan maklumat tersebut Sinar Harian menemui penduduk yang bimbang dengan fenomena yang kerap berlaku sejak akhir-akhir ini.

Seorang penduduk, Ahmad Daud 41 berkata warga asing itu semakin berani menunjukkan belang kera-

na jumlah mereka yang tinggal menyewa di situ semakin ramai.

"Cara mereka langsung tidak menghormati penduduk di sini kerana banyak aduan dari penduduk mengenai sikap mereka yang gemar meraba dan menuturkan kata lucah,"katanya.

Menurut Ahmad isterinya sebelum ini juga pernah menjadi mangsa raba awang hitam ketika menaiki bas.

"Mereka jadi panik (awang hitam) dan berhenti melakukan perbuatan terkutuk itu bila lihat mangsa menjerit dan pengalaman itulah yang dialami oleh isteri saya,"katanya.

Difahamkan kebanjiran warga asing di Apartmen Desa Satu semakin menjadi-jadi berikutan kawasan itu dikatakan 'selamat' untuk warga asing tinggal.

Sementara itu Setiausaha Persatuan Penduduk Apart-

men Desa Satu, Mohd Zamri Musa 30 berkata, jika disoal warga asing itu hanya akan mengaku sebagai pelajar universiti.

"Sejauh mana kebenarannya mengatakan mereka pelajar universiti kami tidak tahu, tetapi yang peliknya mereka ada di kawasan apartmen siang dan malam setiap hari,"katanya.

Menurutnya selain itu juga mereka gemar mabuk dan membuat bising serta bergurau menyebabkan jiran sebelah terganggu.

"Baik pada waktu malam atau siang sama sahaja bila mereka ramai, macam-macam aktiviti berlaku dalam rumah,"katanya.

Berikutan itu pihak persatuan penduduk dengan kerjasama Rela mengadakan rondaan malam di kawasan itu bagi memastikan masalah yang dibawa warga asing ini dikedang.